

**BAHAGIAN A**  
[20 markah]

**Soalan 1 hingga 14**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Kasihan kepada keluarga Sarina kerana \_\_\_\_\_ rumahnya sudah bocor.
  - A bumbung
  - B dinding
  - C tiang
  - D lantai
  
- 2 “Kamu perlu menggunakan \_\_\_\_\_ untuk melukis bulatan,” kata Puan Laila.
  - A alat tulis
  - B jangka lukis
  - C jangka sudut
  - D pita ukur
  
- 3 Encik Hamid bukan sahaja peramah malahan \_\_\_\_\_ juga seorang yang pemurah.
  - A dia
  - B kamu
  - C beliau
  - D baginda
  
- 4 Hampir \_\_\_\_\_ ternakan penduduk kampung mati akibat bencana banjir.
  - A segelintir
  - B beberapa
  - C kesemua
  - D sesetengah

**Soalan 5** berdasarkan gambar.



- 5 Lampu tidur yang dibeli ayah diletakkan di \_\_\_\_\_ katil kakak dan saya.
- A depan
  - B antara
  - C tengah
  - D hujung
- 6 Pokok-pokok padi itu \_\_\_\_\_ apabila ditiup angin.
- A lenggang-lengguk
  - B lemah-longlai
  - C liang-liuk
  - D umbang-ambing
- 7 \_\_\_\_\_ hujan turun dengan lebatnya \_\_\_\_\_ Pak Samad masih meneruskan kerja-kerja membajak.
- A Sungguhpun ... walhal
  - B Kendatipun ... malahan
  - C Walaupun ... sementara
  - D Meskipun ... namun

- 8 Hadi terpaksa bekerja di restoran makanan segera bagi \_\_\_\_\_  
perbelanjaannya belajar di universiti.
- A membayar
  - B menampung
  - C melunaskan
  - D melangsaikan
- 9 Saya \_\_\_\_\_ datang ke sekolah pagi semalam tetapi hujan turun dengan  
lebatnya.
- A mesti
  - B harus
  - C boleh
  - D hendak
- 10 “ \_\_\_\_\_ kamu semua dapat memberikan teguran yang membina,” kata Susie  
kepada rakan-rakannya.
- A Sila
  - B Harap
  - C Tolong
  - D Jemput
- 11 Tapak kakinya bengkak dan bernanah kerana \_\_\_\_\_ duri kelapa sawit minggu  
lepas.
- A ditusuk
  - B menusuk
  - C bertusuk
  - D tertusuk

**12** Mula-mula saya disuruh mencuba kasut itu, \_\_\_\_\_ dibelikan dan dihadiahkan kepada saya.

- A** maka
- B** kemudian
- C** dengan itu
- D** oleh itu

**13** Guru Besar telah berucap \_\_\_\_\_ kepentingan bersarapan kepada murid-murid semasa perhimpunan.

- A** demi
- B** untuk
- C** tentang
- D** terhadap

**14** Tutup semula bekas itu dengan rapi supaya biskut tidak \_\_\_\_\_.

- A** layu
- B** lemau
- C** lembik
- D** lembut

### Soalan 15

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- 15 'Jangan membuang masa kamu dengan melayari laman web yang tidak berfaedah,' kata ayah kepada abang.
- A Ayah memarahi abang kerana sering menggunakan laman web yang tidak berfaedah.
  - B Ayah menegaskan bahawa melayari laman web merupakan suatu perkara yang tidak berfaedah.
  - C Ayah melarang abang mensia-siakan masanya dengan melayari laman web yang tidak bermanfaat.
  - D Ayah merayu abang supaya menggunakan masanya dengan melayari laman web yang berfaedah.

### Soalan 16

Pilih ayat yang **betul**.

- I Hadiah pemberian ibu itu adalah sebagai ganjaran kepada kejayaan adik.
  - II Sepak raga ialah sukan yang elok dipertandingkan dalam kejohanan itu.
  - III Cita-cita saya ialah untuk menjadi seorang doktor dan merawat pesakit.
  - IV Lelaki yang bertopi dan berkaca mata itu adalah bapa saudara Amran.
- 16
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

## Soalan 17 hingga 20

Baca syarahan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, yang berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru, serta rakan-rakan sekalian. Pada pagi yang mulia ini, saya ingin menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk “Kebaikan buah-buahan tempatan”.

Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang ditanam dan dikeluarkan di negara kita. Sebagai contoh, buah-buahan tempatan negara kita ialah rambutan, manggis, durian, tembikai, betik dan sebagainya. Buah-buahan tempatan mengandungi banyak khasiat yang *setanding* dengan buah-buahan yang diimport. Contohnya, buah jambu batu mengandungi vitamin C dan buah limau mengandungi asid yang boleh menghadamkan makanan yang kita makan.

Buah-buahan tempatan juga mudah didapati dan banyak dijual di gerai buah-buahan di seluruh negara. Keadaannya juga lebih segar dan tidak mengandungi bahan pengawet yang biasa digunakan pada buah-buahan yang diimport untuk mengekalkan kesegarannya.

Selain daripada itu, harga buah-buahan tempatan juga lebih murah jika dibandingkan dengan buah-buahan import kerana buah-buahan tempatan tidak memerlukan kos pengangkutan yang tinggi untuk dipasarkan.

Kesimpulannya, buah-buahan tempatan sangat banyak kelebihannya. Selain segar, murah, berkhasiat dan bermutu, buah-buahan tempatan juga dapat meningkatkan pendapatan para petani. Oleh itu, jadikanlah buah-buahan tempatan sebagai makanan pilihan kita.

Sekian, terima kasih.

17 Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang \_\_\_\_\_

- A mudah didapati.
- B murah dan segar.
- C ditanam dalam negara.
- D diimport dari luar negara.

- 18** Apakah perbezaan antara buah-buahan tempatan dengan buah-buahan import?
- A** Mengandungi banyak khasiat.
  - B** Mudah didapati dan banyak dijual.
  - C** Tidak mengandungi bahan pengawet.
  - D** Makanan pilihan orang ramai.
- 19** Mengapakah harga buah-buahan tempatan lebih murah jika dibandingkan dengan buah-buahan import?
- A** Buah-buahan tempatan ditanam dan dikeluarkan di negara kita.
  - B** Mudah didapati dan banyak dijual di gerai buah-buahan di seluruh negara.
  - C** Mengandungi banyak khasiat yang setanding dengan buah-buahan yang diimport
  - D** Tidak memerlukan kos pengangkutan yang tinggi untuk dipasarkan.
- 20** Perkataan *setanding* dalam petikan bermaksud
- A** segagah
  - B** sepadan
  - C** seiring
  - D** setaraf

## BAHAGIAN B

[ 30 markah]

### Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan.

<i>i</i>	<i>ii</i>	<i>iii</i>	<i>iv</i>
beralun-alun	bangga	Jun	bangunan
berkibar-kibar	bongkak	Julai	membangunkan
berolak-alik	bosan	Ogos	pembangunan

Aku amat teruja ketika menuruni anak tangga pesawat MAS. Hampir lima tahun aku berada di rantau orang untuk menuntut ilmu. Jalur Gemilang (i) \_\_\_\_\_ megah di sepanjang jalan seolah-olah menyambut kepulanganku.

Terasa (ii) \_\_\_\_\_ dapat berada di tanah air sendiri. Aku sedar bulan ini bulan (iii) \_\_\_\_\_, bulan kemerdekaan negaraku. Bangunan-bangunan pencakar langit serta kenderaan yang bertali arus melambangkan kepesatan (iv) \_\_\_\_\_ di negaraku.

( 4 markah)

### Soalan 22

Tukarkan ayat yang diberikan kepada ayat pasif.

- a) Ketua kelas telah mencatat nama murid-murid yang ingin menyertai lawatan ke Kuala Lumpur.

---

---

(2 markah)



b) Tuliskan **ayat tanya** yang sesuai bagi dialog yang diberikan.

Kita mestilah menunjukkan semangat cinta akan negara dengan menjaga nama baik negara.



---

---

(2 markah)

### Soalan 23

(a) Gariskan jawapan yang paling tepat.

- i) Beberapa orang kakitangan Majlis Daerah Kuala Kangsar sedang gigih ( keindahan, memperindah, memperindahkannya ) Dataran Sayong sempena Sambutan Hari Kemerdekaan 2017.
- ii) Beriadah sambil ( dinikmati, menikmati, kenikmatan) kehijauan Hutan Lipur Kuala Woh dapat menghilangkan stres.

( 2 markah )



b) Nyatakan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

---

( 2 markah )

(c) Tandakan ( ✓ ) bagi kata hubung seuai bagi ayat di bawah.

(i) Saya berpendapat \_\_\_\_\_ masalah penduduk kampung ini harus dibincang bersama ketua kampung.

(   ) bahawa            (   ) kerana            (   ) yang

(ii) Rawina segera pulang ke Kota Kinabalu \_\_\_\_\_ bapanya sakit.

(   ) sementara            (   ) semenjak            (   ) kerana

(iii) Meskipun dia kalah \_\_\_\_\_ dia tidak pernah berputus asa.

\_\_\_\_\_ dia akan berusaha dengan gigih lagi.

(   ) malahan ... Namun    (   ) tetapi ... Selepas itu    (   ) namun ... Sebaliknya

( 3 markah)

#### Soalan 24

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Adakah rumah anda memiliki kriteria ini?**

**Bersih ( ✓ ) dan selamat ( ✓ )**

Jika jawapan anda ialah Ya, maka inilah peluang untuk anda menyertai peraduan realiti terbaharu di TV10. Rancangan ini akan diacarakan oleh selebriti terkenal dan siarannya akan bermula pada bulan Mei 2018 . Rancangan sepuluh episod ini mengajak peserta untuk membersihkan dan memastikan rumah sentiasa dalam keadaan selamat sepanjang masa.

Mudah sahaja caranya. Nyatakan butiran diri, alamat rumah dan nombor telefon. Pihak kami akan ke rumah anda untuk memeriksa keadaan rumah secara mengejut. Jika berjaya, anda akan dipilih untuk bertanding di peringkat seterusnya.

Hadiah yang disediakan ialah:

**Wang tunai bernilai RM 25 000 DAN**

**Baucer pembelian perabot RM 10 000**

a) Kriteria rumah yang layak menyertai rancangan ini ialah \_\_\_\_\_  
(1 markah)

b) Siapakah yang menjadi pengacara bagi rancangan ini?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
(2 markah)

c) Tandakan  pada pernyataan yang sesuai dengan ciri-ciri rumah selamat.

Semua suis mesti sentiasa terpasang.	
Pintu rumah perlu sentiasa dikunci.	
Peralatan tajam disimpan dalam laci.	
Keadaan di dalam rumah cantik sentiasa.	

i

( 2 markah)

d) Nyatakan cara menjaga kebersihan rumah.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
( 2 markah)

**Soalan 25**

*Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Terang sungguh si bulan purnama ,  
Menjadi pujaan senantias;  
Berbilang kaum hidup bersama,  
Bersatu padu aman sentosa.

Harum sungguh bunga melati,  
Hiasan sanggul amat memikat;  
Bertolak ansur, hormat-menghormati,  
Mengukuhkan perpaduan ikatan muafakat.

Adat lelaki bergelar belia,  
Hidup jangan terumbang-ambing;  
Bantu-membantu amalan mulia,  
*Ibarat aur dengan tebing.*

Bina rumah susunlah bata,  
Disusun cantik biar setara;  
Andai warga seia sekata,  
Negara maju rakyat sejahtera.

(a) Tanda (  $\checkmark$  ) bagi pernyataan yang **betul** dan ( **X** ) bagi pernyataan yang **salah** dalam kotak yang disediakan.

i Kehidupan kita akan sejahtera jika mengamalkan sikap bertolak-ansur.	
ii Sikap bantu-membantu merupakan amalan yang perlu dijauhi.	

[1 markah]

(b) Bagaimanakah cara kita mewujudkan kesejahteraan dalam sebuah masyarakat?

---

---

[ 2 markah]

(c) Apakah maksud 'ibarat aur dengan tebing' dalam petikan?

---

---

[ 2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, adakah perpaduan di dalam negara penting? Mengapa?

---

---

---

[ 3 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**